



AGRICULTURE

LOGISTICS



MANUFACTURING

TOURISM

KORIDOR
UTARA

KANDUNGAN

CONTENTS

- 05 | Wawasan dan Misi
Vision and Mission
- 07 | Penubuhan dan Objektif
Establishment and Objectives
- 08 | Perutusan Pengerusi
Statement by the Chairman
- 10 | Ahli-Ahli Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
Members of the Northern Corridor Implementation Authority
- 12 | Jawatankuasa Pengurusan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
Northern Corridor Implementation Authority's Management Committee
- 13 | Pengurusan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara
Northern Corridor Implementation Authority's Management
- 14 | Carta Organisasi NCIA
NCIA Organisation Chart
- 17 | Kenyataan Ketua Eksekutif
Statement by the Chief Executive
- 24 | Program-Program
Programmes
- 57 | Penyata Kewangan
Financial Statement
- 88 | Ibu Pejabat dan Pejabat-Pejabat NCIA
NCIA Head Office and NCIA Offices







Ibu Pejabat NCIA
NCIA Head Office



Hutan Tropika Belum-Temengor
Belum-Temengor Tropical Rainforest

WAWASAN VISION

Untuk menjadi wilayah ekonomi bertaraf dunia menjelang 2025 bagi masyarakat untuk melabur, bermastautin, mendapatkan ilmu pengetahuan dan membina keluarga dalam persekitaran yang selamat, bersih dan lestari.

To be a world-class economic region of choice by 2025 to invest in, to live in, to work, to acquire knowledge, to visit and to raise families in a safe, clean and sustainable environment.

MISI MISSION

1. Mempercepatkan pembangunan ekonomi dengan menggerakkan sektor-sektor ekonomi teras iaitu pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik ke arah peningkatan dalam rantaian nilai

To accelerate economic growth by developing core economic sectors, namely agriculture, manufacturing, tourism and logistics

2. Menangani ketidakseimbangan sosioekonomi

To address socio-economic imbalances

3. Meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi

To raise the capacity for knowledge and innovation

4. Memperbaiki kualiti hidup

To improve the quality of life

5. Memperkukuh institusi dan kapasiti pelaksanaan

To strengthen institutional and implementation capacity



QE II Waterfront, Pulau Pinang
QE II Waterfront, Penang

PENUBUHAN DAN OBJEKTIF

ESTABLISHMENT AND OBJECTIVES

Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) ditubuhkan di bawah Akta Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara 2008 (Akta 687) sebagai pihak berkuasa yang bertanggungjawab menentukan arah tuju, dasar serta strategi berhubung dengan pembangunan sosioekonomi di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) yang meliputi 21 daerah dalam wilayah utara Semenanjung Malaysia di negeri-negeri Kedah, Perak, Perlis dan Pulau Pinang.

Objektif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara adalah untuk:

1. Menggalakkan dan mempercepatkan pembangunan NCER supaya menjadi suatu wilayah ekonomi bertaraf dunia dan destinasi pilihan bagi pelaburan, pekerjaan dan kehidupan; serta
2. Memastikan pembangunan sosial dan pembangunan mampan diutamakan dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi di dalam NCER.

The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) was established under the Northern Corridor Implementation Authority Act 2008 (Act 687) as the authority responsible for providing direction and for devising policies and strategies in relation to socio-economic development in the Northern Corridor Economic Region (NCER), which encompasses 21 districts in northern Peninsular Malaysia in the states of Kedah, Perak, Perlis and Penang.

The objectives of the Northern Corridor Implementation Authority are:

1. *To promote and accelerate the development of the NCER into a world-class economic region and a choice destination for investment, work and living; and*
2. *To ensure that social development and sustainable development are kept as priorities whilst driving economic growth in the NCER.*

PERUTUSAN Pengerusi

STATEMENT BY THE CHAIRMAN



**PERDANA MENTERI
MALAYSIA**



Alhamdulillah, bersyukur saya ke hadrat Allah SWT, kerana dengan berkat dan limpah kurnia-Nya, Malaysia terus tenang, aman, rakyat hidup rukun dan damai, serta ekonomi yang semakin kukuh walaupun negara berhadapan dengan cabaran yang monumental, bagi menjayakan aspirasi mentransformasikan Malaysia kepada sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak pengurusan NCIA diatas pencapaian dalam melaksanakan pelbagai program. Pencapaian ini dapat dicapai dengan adanya persefahaman dan kerjasama erat yang sedia wujud di antara pihak pengurusan NCIA dengan pentadbiran di peringkat persekutuan dan peringkat negeri, serta penglibatan dan pembabitian pelbagai kementerian dan agensi kerajaan dalam membangunkan agenda pembangunan di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Penglibatan sektor swasta di NCER pada tahun 2010 telah mencatatkan jumlah sebanyak RM6.08 bilion dan merupakan satu peningkatan yang begitu memberangsangkan. Saya percaya bahawa kejayaan ini merupakan hasil usaha gigih pihak NCIA dengan usahasama dan pelaburan daripada rakan-rakan di sektor swasta yang menjadi pemangkin dan juga enjin pertumbuhan kepada ekonomi Malaysia. Ini juga telah membuktikan keyakinan pihak swasta terhadap prestasi ekonomi negara kita.

Alhamdulillah, praise be to Allah SWT, for by His grace and generosity, Malaysia continues to remain calm and prosper despite facing a monumental challenge in its aspiration towards transforming Malaysia into a developed and high-income nation by 2020.

First of all, I would like to express my utmost gratitude to the Management of NCIA for the achievement in implementing various programmes and initiatives. The achievement was possible due to the synergy and cooperation between the Management of NCIA and the administration at federal and state levels, as well as the participation of various ministries and government agencies in driving the development agenda in the Northern Corridor Economic Region (NCER).

The contribution of the private sector in the NCER in 2010 was valued at an encouraging RM6.08 billion. I believe that this achievement was a result of diligent efforts by the NCIA team, coupled with smart and effective partnerships between the public and private sectors, which serve as a catalyst and engine of growth for the national economy. This was also a fine testament of the private sector's confidence in our economic performance.

Pihak pengurusan NCIA telah menjalankan amanah dan tanggungjawabnya dengan baik. Sukacita saya memaklumkan kepada ahli-ahli NCIA bahawa KPI yang telah disasarkan di dalam pelan induk NCER bagi tahun 2007 hingga 2012 telah dapat dicapai pada Disember 2010. Ini menandakan bahawa pelan dan perancangan NCER berada di landasan yang betul.

Pelaksanaan program-program pembangunan yang diterajui NCIA pastinya membawa kesan limpahan kepada ekonomi menerusi sektor-sektor teras, iaitu Pertanian, Pembuatan dan Perkhidmatan (yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pelancongan dan Logistik) serta komponen-komponen sokongan, iaitu Pendidikan dan Pembangunan Modal Insan.

Kerjasama di antara NCIA dan sektor swasta merupakan satu lagi manifestasi akan komitmen jitu NCIA di dalam memacu agenda kerajaan dalam membangunkan program-program pembangunan sosioekonomi yang mampan bagi melonjakkan industri-industri di rantau ini ke rantaian nilai yang lebih tinggi; dan secara keseluruhannya, meningkatkan kadar pendapatan warga NCER melalui penglibatan lebih aktif daripada sektor swasta.

Itizam kita adalah untuk membawa Malaysia ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Justeru, inisiatif-inisiatif pembangunan di NCER adalah merupakan sebahagian daripada komponen strategi pembangunan keseluruhan dalam menjayakan pelan transformasi ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi, berdaya tahan dan berdaya saing. Selaras dengan prinsip 1Malaysia "**Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan**", kita harus komited dalam menjalankan tanggungjawab demi menjayakan pelan transformasi negara.

Akhir kata, harapan saya agar kita semua dapat berusaha bersama-sama merealisasikan segala perancangan yang telah kita sasarkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh demi manfaat dan kesejahteraan masyarakat.

Sekian, terima kasih.

1Malaysia "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan"



DATU' SRI MOHD NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK
Pengerusi • *Chairman*

The Management of NCIA has successfully carried out its obligation with the highest responsibility. I am pleased to announce to NCIA members that the KPIs set in the NCER blueprint for the year 2007 to 2012 were achieved in December 2010. This proves that NCER plans and programmes are on the right track.

The implementation of development programmes led by NCIA will certainly cause spillovers to the economy via the core economic sectors, namely Agriculture, Manufacturing and Services (which are further divided into Tourism and Logistics) as well as support components, namely Education and Human Capital Development.

NCIA collaboration with the private sector was yet another manifestation of its utmost commitment in driving the government's agenda towards sustainable socio-economic development programmes to move the industries in this region up the value chain; thus comprehensively, increasing the income levels of the NCER community through more active participation of the private sector.

*We are committed to propelling Malaysia towards achieving a developed and high-income nation status by the year 2020. In view of that, the initiatives at NCER are part of the holistic and comprehensive development strategies in realising the transformation plan to become a developed, high-income, resilient and competitive nation. In line with the 1Malaysia principle "**People First, Performance Now**", we need to be committed to carry out the responsibility to make a success of the transformation plan.*

Finally, it is my sincere hope that we will all work together towards realising the goals of the Tenth Malaysia Plan, in the interest of the well-being of all Malaysians.

Thank you.

1Malaysia "People First, Performance Now"



AHLI-AHLI PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA



**PERDANA MENTERI MALAYSIA
(PENGERUSI)
PRIME MINISTER OF MALAYSIA
(CHAIRMAN)**

Yang Amat Berhormat
Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak



**MENTERI BESAR KEDAH
CHIEF MINISTER OF KEDAH**

Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Ustaz Azizan bin Abdul Razak



**MENTERI BESAR PERAK
CHIEF MINISTER OF PERAK**

Yang Amat Berhormat
Dato' Seri DiRaja Dr. Zambry bin Abd. Kadir



**MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI
MINISTER IN THE
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Yang Berhormat
Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop



**MENTERI KEMAJUAN LUAR
BANDAR & WILAYAH
MINISTER OF RURAL
& REGIONAL DEVELOPEMENT**

Yang Berhormat
Dato' Seri Mohd Shafie bin Apdal

MEMBERS OF THE NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY



**TIMBALAN PERDANA MENTERI MALAYSIA
DEPUTY PRIME MINISTER OF MALAYSIA**

Yang Amat Berhormat
Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd Yassin



**MENTERI BESAR PERLIS
CHIEF MINISTER OF PERLIS**

Yang Amat Berhormat
Dato' Seri Dr. Md Isa bin Sabu



**KETUA MENTERI PULAU PINANG
CHIEF MINISTER OF PENANG**

Yang Amat Berhormat
Tuan Lim Guan Eng



**KETUA SETIAUSAHA NEGARA
CHIEF SECRETARY TO THE GOVERNMENT**

Yang Berbahagia
Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan



**PRESIDEN & KETUA EKSEKUTIF
KUMPULAN SIME DARBY BERHAD
PRESIDENT & GROUP CHIEF EXECUTIVE
OF SIME DARBY BERHAD**

Yang Berbahagia
Dato' Mohd Bakke bin Salleh

JAWATANKUASA PENGURUSAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA *NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY'S MANAGEMENT COMMITTEE*

PENGERUSI • CHAIRMAN

YBhg. Tan Sri Mohd Sidek bin Haji Hassan
Ketua Setiausaha Negara • *Chief Secretary to the Government*

AHLI-AHLI • MEMBERS

YBhg. Tan Sri Dr. Wan Abdul Aziz bin Wan Abdullah
Ketua Setiausaha Perbendaharaan • *Secretary General of Treasury*

YBhg. Dato' Sri Dr. Ali bin Hamsa
Ketua Pengarah Unit Kerjasama Awam Swasta • *Director General of the Public Private Partnership Unit*

YB Dato' Zainal Rahim bin Seman
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang • *Penang State Secretary*

YB Dato' Azizan bin Hamid
Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis • *Perlis State Secretary*

YB Dato' Seraja Setia Dato' Wira Haji Rasli bin Basir
Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah • *Kedah State Secretary*

YB Dato' Seri Dr. Abdul Rahman bin Hashim
Setiausaha Kerajaan Negeri Perak • *Perak State Secretary*

YBhg. Dato' Ir. Jauhari bin Hamidi
Wakil Sime Darby Berhad • *Representative of Sime Darby Berhad*

YBhg. Dato' Azlin bin Alias
Pegawai Khas kepada YAB Perdana Menteri • *Special Officer to the Prime Minister*


YBhg. Dato' Redza Rafiq bin Abdul Razak
Ketua Eksekutif Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara • *Chief Executive of Northern Corridor Implementation Authority*

PENGURUSAN PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA

NORTHERN CORRIDOR IMPLEMENTATION AUTHORITY'S MANAGEMENT



1. Zuhairi bin Mohmad
2. Dato' Redza Rafiq bin Abdul Razak
3. Rosmin bin Mohamed
4. Kuan Eu Jin
5. Yusof bin Ishak
6. Jariah binti Hashim
7. Ir. WM Cheang
8. Farizal bin Jaafar



CARTA ORGANISASI NCIA

NCIA ORGANISATION CHART







Jambatan Gunung Mat Cincang, Langkawi
Gunung Mat Cincang Bridge, Langkawi

KENYATAAN KETUA EKSEKUTIF
STATEMENT BY THE CHIEF EXECUTIVE



Tahun 2010 merupakan permulaan era baru bagi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (Northern Corridor Economic Region, atau NCER), di mana Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (Northern Corridor Implementation Authority, atau NCIA) telah “turun padang” untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif yang sebelum ini merupakan sebahagian daripada pelan strategik selaras dengan hasrat kerajaan agar usaha dan keberhasilan yang membanggakan menjadi kenyataan di NCER.

The year 2010 marked the beginning of a new era; and for us, it has been one of great change as the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) went into overdrive to implement initiatives which had previously been part of a strategic plan to transform them into economic reality for the Northern Corridor Economic Region (NCER).

Susulan daripada pelan yang telah dirangkaikan, inisiatif-inisiatif tersebut telah membawa kepada:


- a. Pembangunan ekonomi yang mampan berasaskan sektor ekonomi teras iaitu, pertanian, pembuatan, pelancongan dan logistik; ke arah membantu menjulang negara ke rantaian nilai yang lebih tinggi
- b. Penggalakan penglibatan sektor swasta di NCER
- c. Penggerak ke arah aktiviti ekonomi nilai tambah tinggi serta berasaskan pengetahuan untuk meningkatkan pendapatan per kapita
- d. Pembangunan sosioekonomi mampan yang menekankan penglibatan komuniti NCER
- e. Peningkatan pendapatan per kapita bagi warga NCER

Pada dasarnya, NCIA telah menukar pendekatan organisasi bagi membolehkannya bertindak sebagai fasilitator untuk menarik penglibatan sektor swasta agar turut serta dalam pembangunan ekonomi di NCER, di samping menjadi "sahabat karib" komuniti di NCER.

Following the outlined strategic plan, the initiatives were to push toward:

- a. The development of a sustainable economic model based on the NCER's core economic sectors, i.e. agriculture, manufacturing, tourism and logistics*
- b. Measures to encourage private sector participation within the NCER*
- c. High value-added and knowledge-based activities to catalyse economic growth*
- d. The development of sustainable socio-economic growth through the involvement of the NCER community*
- e. The elevation of per capita income levels within NCER*

Fundamentally, the NCIA has shifted its organisational focus to become a facilitator to attract private sector participation in the economic development of the NCER, while being a close friend to the NCER community.



NCIA menyediakan inisiatif-inisiatif yang menjadi platform untuk idea-idea bernas sektor swasta dikumpulkan, dihidupkan dan dilaksanakan agar menjana pertumbuhan serta limpahan ekonomi yang membawa manfaat kepada semua warga NCER di samping menarik lebih banyak syarikat swasta untuk turut serta dalam pembangunan di NCER.

Perubahan pendekatan serta kesungguhan untuk memastikan segala perancangan diteruskan ke peringkat pelaksanaan ternyata membuahkan hasil yang membanggakan. Pada akhir 2010, NCIA telah berjaya menarik penglibatan sektor swasta berjumlah RM6.08 bilion. Daripada jumlah tersebut, penglibatan sektor swasta domestik melebihi 53% atau RM3.24 bilion sementara penglibatan dari pihak swasta antarabangsa bernilai RM2.84 bilion.

NCER berjaya mencatat perkembangan dalam kesemua sektor ekonomi terasnya; di antara perkembangan-perkembangan penting bagi tahun 2010 termasuklah:

- Bagi sektor pertanian - pembangunan tenaga mahir serta struktur komersil untuk menggalakkan usahawan 'akua' (aquapreneurs), inisiatif penanaman berkontrak dan "SawahKu Maju" yang memperkenalkan teknologi serta model pengurusan sawah terkini yang meningkatkan hasil tuaian petani sebanyak 10% kepada 30,000 pesawah, manakala usaha NCIA untuk menstabilkan hasil pengeluaran padi telah mendatangkan manfaat kepada 20,818 ribu pesawah;
- Di sektor pembuatan, pembentukan kelompok industri mengikut subsektor, penubuhan pusat-pusat kecemerlangan mengikut keperluan khusus subsektor tersebut serta penyediaan struktur pelaksanaan yang kukuh untuk membolehkan NCIA menjadi conduit kepada inisiatif-inisiatif Pelan Transformasi Ekonomi yang dikemukakan oleh PEMANDU di Utara tanahair;
- Pengumuman Penang Sentral sebagai lonjakan penting sektor logistik; dan
- Inisiatif pendidikan berteraskan industri pelancongan di Langkawi, Kedah.

Pencapaian secara kolektif kesemua perkembangan tersebut bermakna NCER menjana sebanyak 15,000 peluang pekerjaan yang bakal menyumbang Pendapatan Negara Kasar (PNK) bernilai RM11.4 bilion menjelang tahun 2020.

The NCIA implements initiatives that serve as platforms to bring together the best business ideas of the private sector, sparking them to life and seeing through the implementation process to generate economic growth and spillovers that benefit all of the NCER communities, while attracting even more companies to participate in the corridor's development.

The shift from planning to implementation has definitely yielded exciting results for us. As at the end of 2010, NCIA successfully attracted private sector participation worth RM6.08 billion. From that total, domestic private sector participation exceeded 53% or RM3.24 billion, while participation from international private enterprises was valued at RM2.84 billion.

NCER recorded growth in all of its core sectors and amongst the most exciting and significant developmental highlights for 2010 included:

- *For agriculture – the development of skilled labour and the introduction of commercial structures to create aquapreneurs, initiatives to kick start contract farming and the landmark "SawahKu Maju" initiative, which brings the latest technology and paddy field management models that have successfully increased farmers' yields by 10% for 30,000 rice farmers, while NCIA's efforts to stabilise the rice production have brought benefits to 20,818 growers;*
- *In the manufacturing sector, the NCIA has driven the formation of industry clusters according to subsectors, introduced centres of excellence to meet the specific needs of those subsectors, as well as set up concrete implementation structures to enable NCIA to become a conduit to deliver initiatives under the Economic Transformation Plan helmed by PEMANDU in the North;*
- *The announcement of Penang Sentral was a key boost for the logistics sector; and*
- *The tourism-based educational initiatives in Langkawi, Kedah.*

Collectively, these achievements mean that 15,000 jobs have been generated in NCER; and these will contribute RM11.4 billion to the Gross National Income (GNI) by 2020.



Di dalam usaha mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi di NCER, pihak pengurusan NCIA telah menjalankan kerjasama yang mantap dengan kerajaan-kerajaan negeri, kementerian-kementerian, agensi-agensi pusat, institusi-institusi pengajian tinggi serta semua pihak yang terlibat. Tanpa kerjasama serta sokongan pihak-pihak ini, perubahan yang sebegini tidak mungkin menjadi kenyataan.

Bagi memastikan kejayaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan sepanjang 2010, NCIA akan terus peka terhadap keperluan pemegang berkepentingan di NCER; dan meneruskan kerjasama demi mengekalkan rentak rancak pembangunan serta perubahan yang telah dijana bersama setakat ini.

Sebagai penutup, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak pengurusan NCIA, yang telah berusaha dengan penuh ketabahan serta ketekunan dalam merintis jalan untuk membuka dan menjana peluang-peluang baru bagi membangunkan NCER.

Saya turut ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi serta ahli-ahli NCIA, yang sudi berkongsi wawasan dan pengalaman mereka dengan pihak pengurusan NCIA. Kejayaan, perubahan serta perkembangan pesat NCER tidak mampu menjadi kenyataan tanpa kerjasama dari Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Tempatan yang telah memberi tumpuan dan mendahulukan keperluan warga NCER.

DATO' REDZA RAFIQ
Ketua Eksekutif • Chief Executive



In efforts to increase economic growth for NCER, the NCIA Management Team has built a strong network with the state governments, ministries, federal agencies and institutions of higher learning. Without the cooperation and support of these parties, the transformation that we have seen would not have materialised.

To ensure the success of initiatives implemented throughout 2010, NCIA will continue to listen to the needs of NCER stakeholders and continue with this level of cooperation to ensure that the rapid pace of development and transformation that we have brought does not go out of step.

In closing, allow me to record my thanks to the entire team at NCIA, which has laboured diligently and tirelessly to create new paths and identify fresh opportunities to further advance the NCER.

I will also take this opportunity to express my gratitude to the Chairman and board members of NCIA for sharing their vision and the benefit of their experience with the NCIA Management Team. The success, transformation and rapid growth of NCER could not be realised without the cooperation of the federal, state and local governments, who have given their utmost attention and priority to the needs of the people in NCER.



Modern prawn farming to help 1,000 rise from poverty

A NEW aquaculture programme that focuses on prawn farming has been introduced in a bid to eradicate poverty in Selinsing, a small town in northern Perak.

Perak Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir said about 1,000 participants would be selected to take part in the programme whereby they would be taught modern farming techniques.

He said Hannan Corporation Sdn Bhd, a local subsidiary of Japanese company Misaki Suisan Co Ltd, had entered into an agreement with the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) to provide the expertise and set up the Selinsing Aquaculture Complex.

Acting as programme operator, Hannan Corporation will manage the ponds besides supplying prawn fry and feed to the programme participants.

Under a buy-back policy, participants, who will each get five ponds, are assured of a guaranteed market for their harvests.

"It is not merely profit-oriented. The main aim is to eradicate poverty among the people in the area by creating about 1,000 job opportunities for fishermen, unemployed graduates and other people," Dr Zambry told reporters after witnessing the signing of a memorandum of understanding between Hannan Corporation and NCIA on Monday.

Dr Zambry noted that the complex would have 800 ponds measuring 5,000sqm each, spreading over 44.5ha in Kalumpang and Pulau Gulu.

It is estimated that 14,400 metric tonnes of prawns worth RM148mil would be harvested annually when the programme kicks off by the end of this year.

"We are awaiting the outcome of the Environmental Impact Assessment report on the programme.

"If the Department of Environment deems it unsuitable to carry out the programme at the proposed site, then we will move it elsewhere as we do not want any negative impact on the environment," he said.

Related matter, Dr Zambry said the government was in the final stages of formulating a policy on illegal prawn-farming in the state.



DAN... ORATION S... HD. ("HCS...
DISAKSIKAN... DR. Z... SAR, P... IMPTAN... 29...
Creating new opportunities: Dr Zambry (left) and Hannan Corporation Sdn Bhd executive councillor Mohd Zakir A...

Koridor Utara terima menterai lima perjanjian pelaburan RM835j



Perdana Menteri menyaksikan Menteri Besar Perak Datuk Seri Dr Zambry (tengah) menandatangani perjanjian pelaburan bernilai RM835 juta untuk projek-projek pembangunan infrastruktur di Koridor Utara Perak. (Dua orang lelaki di sebelah kanan ialah Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.)



NCIA Datuk Seri Abdul Razak berinteraksi bersama peserta forum pembangunan dengan NCIA dan NCIA selepas penyempurnaan JPA Temu Bincang di Seremban Jaya, Pulau Pinang, baru-baru ini.

NCIA sasar 2,000 lagi peluang pekerjaan

KUALA TERANG, 8 Mei - Pihak Berkuasa Pelaburan Koridor Utara (NCIA) menyasarkan untuk mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dalam sektor pembangunan infrastruktur, perniagaan, perindustrian, perkhidmatan dan lain-lain semasa merampung projek-projek di kawasan ini.

Naiq Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata 7,000 peluang pekerjaan ini yang telah wujud sejak NCIA ditubuhkan lalu sehingga kini.

"Berikutan itu, kerajaan negeri Pulau Pinang telah diberi mandat untuk membuka projek-projek di kawasan ini yang akan memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk bekerja di kawasan ini," kata Menteri Besar Perak, Datuk Seri Abdul Razak. Beliau berkata projek-projek ini akan memberi peluang kepada penduduk tempatan untuk bekerja di kawasan ini.

NCIA berhasrat untuk mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dalam sektor pembangunan infrastruktur, perniagaan, perindustrian, perkhidmatan dan lain-lain semasa merampung projek-projek di kawasan ini.

NCIA berhasrat untuk mewujudkan 2,000 peluang pekerjaan dalam sektor pembangunan infrastruktur, perniagaan, perindustrian, perkhidmatan dan lain-lain semasa merampung projek-projek di kawasan ini.

Growth corridor's 20,000 openings Manpower needs of NCER's electrical and electronics sector over five years

By WINNIE YEOW
winnie@thestar.com.my

GEORGE TOWN: The electrical and electronics (E&E) sector under the Northern Corridor Economic Region (NCER) will create some 20,000 jobs in the region in the next five years.

Deputy Minister in the Prime Minister's Department Datuk S.K. Devamany said the jobs would include highly skilled ones.

"Besides that, the agriculture sector will also create more than 2,000 jobs," he said after visiting Advanced Micro Devices Export Sdn Bhd (AMD) at Bayan Lepas yesterday.

Devamany is collaborating with NCER to set up a facility for microprocessing tests.

He commended AMD for transferring hi-tech design fraternity from Singapore who are constantly allied to Malaysia software developers who are constantly producing and enhancing new products.

"I'm glad to know that the company also has its own company disabled people and later absorb them into the programme to train more people," he said.

NCER had a total of RM1.4bil investment to date.

He said the new projects under way include the fish rearing project in Langkat and the 100MW Perak.

"There is also the Paul's Industrial Zone involves infrastructure work.

"For every entrepreneur, we will work to get them to be the driving force of the economic growth in the region."

Besides E&E and agriculture, two other sectors under NCER are logistics and manufacturing.

For logistics, NCER will encourage local companies to set up their own factories.

"One of them is industry players in Penang. Strategies have been developed in the region."

"We want to see more travel destinations in the region."

The NCER will work to attract more investment to the region.

Orphanage gets a fridge for Hari Raya

RUMAH Yakin Al-Wadi, an orphanage in Kupang, Kedah, received a refrigerator from the Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) in conjunction with Hari Raya.

Eighty children from the orphanage were present at the ceremony and some of them gave wonderful performances on stage.

Yakin Al-Wadi coordinated the donation from the NCIA chief executive Datuk Redza Razak.

The 300 guests included Penang Yang Di-Pertua Agong Tun Abdul Rahman Abbas and his consort Tun Puan Majlis Sharif.

Kedah Menteri Besar Datuk Seri Aznan Abdul Razak, Perlis Menteri Besar Danik Seri Dr Md Isa Sabu and Chief Minister Lim Guan Eng were also present.



... di dinanti... kitanya... bagi... man... kerja... mamp... pu... sia lebih ma...

AMD, NCIA latih OKU tempuh alam pekerjaan

Program setahun belajar sambil kerja

KORPORAT & KOMUNITI

Uluh Petch Waznan Iskandar

BASAZONE ekoran Akta Undang-undang (AMD) dan NCIA Latih OKU tempuh alam pekerjaan. Program ini akan dijalankan oleh AMD dan NCIA Latih OKU tempuh alam pekerjaan. Program ini akan dijalankan oleh AMD dan NCIA Latih OKU tempuh alam pekerjaan.

Program ini akan dijalankan oleh AMD dan NCIA Latih OKU tempuh alam pekerjaan. Program ini akan dijalankan oleh AMD dan NCIA Latih OKU tempuh alam pekerjaan.

Jerjyah Hashim



KHTP utamakan keselamatan

Peruntukan RM8 juta beli kenderaan HAZMAT, MDERS.

KORPORAT & KOMUNITI

Uluh Petch Waznan Iskandar

KULIM: Dalam memastikan Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTP), di sini menjadi destinasi pelaburan dan keadilan yang selaras, Pihak Berkuasa Pelancongan, Pihak Koridor Utara (NCKA), telah membelanjakan RM8 juta membeli kenderaan Hazardous Materials (HAZMAT) dan Mass Decontamination & Emergency Response System (MDERS).

“Dengan adanya keupayaan HAZMAT dan MDERS, ia berupaya menampung dan bertindak balas terhadap kemalangan besar yang membabitkan bahan kimia, serangan 'bio-terror' dan bencana pencemaran”



NOR MOHAMED (dua dari kiri) bersama Redza Rafiq (tengah) mengendarai taklimat dari Pegawai Bomba dan Penyelamat Malaysia selepas majlis penyerahan jentera HAZMAT dan MDERS di Hospital Kulim.

Penyerahan kenderaan HAZMAT kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Kulim serta MDERS kepada Hospital Kulim, disempurnakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop kepada Mohamad Ketua Pengarah 'Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Datuk Mahadi Ma Ali di pekarangan Mahadi Ma Ali di pekarangan baru ini.

Pengerusi KHTP merangkap Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Kedah, Datuk Amiruddin Hamzah dan Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan, Datuk Seri Dr Mohd Nasir Mohd Ashraf.

Kenderaan HAZMAT itu yang memenuhi piawaian yang ditetapkan Jabatan Pertahanan Pertahanan (JPP) dan Pertahanan Pertahanan (PT) di sini, dilengkapi unit dekontaminasi, sistem pengesanan bahan kimia dan pelbagai unit dan peralatan dekontaminasi.

lajur-bekas yang mempunyai akses yang mudah ke kawasan yang terdapat maklumat bahan kimia, biologi, radiasi dan keselamatan kimia (CBR).

MDERS mempunyai kemampuan yang tinggi untuk menangani bencana kimia, biologi, radiasi dan keselamatan kimia (CBR).

B6 NEWS STARBUZ, THURSDAY 22 JANUARY 2010

Master plan to conserve tap Belum's potential

It will identify areas ideal for niche and commercial tourism

By EUGENE MAHALINGAM



Datuk Redza Rafiq says there is growing demand for eco-tourism globally.

KUALA LUMPUR: The Northern Corridor Implementation Authority (NCIA) will develop an Integrated Belum-Temenggor Tropical Rainforest (BITTR) in Perak and tap its potential as a sustainable eco-tourism destination.


Redza said there was a growing demand for eco-tourism globally. The number of eco-tourists is increasing worldwide due to greater awareness and search for authenticity. It is a untapped potential for it, he told.

years old and covers over 300,000ha of land and water mass encompassing the Royal Belum State Park (117,500ha), Gerik Forest Reserve (34,995ha) and Temenggor Forest Reserve (147,505ha).

NEWS 100



The BITTR is an eco-tourism destination of choice for both local and international tourists. The BITTR is more than 130 years old.



PROGRAM-PROGRAM
PROGRAMMES



SEKTOR PERTANIAN
AGRICULTURE SECTOR



SEKTOR PERTANIAN AGRICULTURE SECTOR

Inisiatif “Frutania”

NCIA telah menjalinkan satu kerjasama dengan syarikat Frutania Industry Sdn Bhd (Frutania) melalui Program Hiliran NCIA-Frutania. Kerjasama ini adalah bertujuan untuk menaiktaraf kemudahan ke arah mendapatkan pensijilan GMP dan meningkatkan kecekapan pengeluaran Frutania dan juga meningkatkan taraf hidup pekebun mangga di NCER. Lokasi kilang Frutania adalah di Jejawi, Perlis.

Hasil daripada kerjasama ini, masalah lambakan mangga di pasaran terutama bagi jenis Sala telah dapat diatasi secara berkesan. Sebanyak 180 peluang diwujudkan kepada peladang-peladang kontrak; dan sekurang-kurangnya 400 orang peserta dari negeri Perlis dan Kedah terlibat dalam penanaman mangga. Mereka bertindak sebagai pembekal utama bahan mentah melalui program ladang kontrak FAMA dan MADA, dan seterusnya dibekalkan kepada Frutania.

Inisiatif Pusat Pertanian Bersepadu dan Latihan Amali Agropreneur

Inisiatif Program Pertanian Bersepadu dan Latihan Amali Agropreneur ini dibangunkan dengan kerjasama NCIA dan dua syarikat peneraju yang berpengalaman luas dalam bidang pertanian. Inisiatif ini dimajukan di Kampung KEDA, Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah.

Pembangunan program perintis ini melibatkan empat komponen utama iaitu:

- Ladang Satelit Nanas variati MD2 secara terbuka
- Tanaman Cili di dalam Rumah Hijau Tertutup
- Tanaman Rock Melon di dalam Rumah Hijau Tertutup
- Pusat Latihan Amali Agropreneur

Inisiatif ladang Satelit Nanas variati MD2 ini melibatkan kawasan seluas 12 ekar dan ianya telah siap dilaksanakan sepenuhnya pada bulan Disember 2009, yang melibatkan tanaman sebanyak 240,000 anak benih. Hasil tuaian pertama dijangka diperolehi pada bulan Mei 2011. Ladang satelit ini berupaya mengeluarkan hasil sekurang-kurangnya 400 MT semusim.

The “Frutania” Initiative

NCIA has established a partnership with Frutania Industry Sdn Bhd (Frutania) through the Downstream NCIA-Frutania Programme. This collaboration is intended to upgrade the facilities of Frutania to enable it to obtain GMP certification and improve production efficiency; and also increase living standards of mango farmers in the NCER. The Frutania factory is located in Jejawi, Perlis.

Through this initiative, the problem of the dumping of mangoes in the market, especially the Sala variety, has been effectively resolved. 180 contract farming opportunities have been created; and at least 400 contract farmers from the states of Perlis and Kedah are involved in the cultivation of mangoes. They serve as major suppliers of raw materials to FAMA and MADA, which in turn supply the mangoes to Frutania.

The Integrated Agricultural and Agropreneur Practical Training Initiative

This initiative was set up by the NCIA in collaboration with two leading agricultural companies to develop a pool of agropreneurs; and was implemented in Kampung KEDA, Bukit Kura, Kuala Nerang, Kedah.

This pilot programme involves four main components:

- MD2 Pineapple Satellite Farm
- Closed Greenhouse - Chilli Plants
- Closed Greenhouse - Rock Melon Crops
- Agropreneur Practical Training Centre

The MD2 pineapple satellite farm covers an area of 12 acres and was implemented in December 2009. It involves the planting of 240,000 seedlings; and is expected to reap its first harvest in May 2011. The farm is capable of producing at least 400 MT per season.



Aktiviti penanaman nanas variasi MD2
Pineapple (MD2 variation) plantation activities

Inisiatif seterusnya, iaitu program Rumah Hijau Tertutup melibatkan pembangunan lapan unit rumah hijau yang dilengkapi dengan sistem fertigasi automatik untuk tujuan tanaman cili. Ianya dilaksanakan dengan kerjasama syarikat peneraju.

Another initiative, the Closed Greenhouse programme, involves the development of eight greenhouse units equipped with an automatic fertigation system for chilli plants. It is implemented in collaboration with the said companies.



Rumah Hijau Tertutup
Closed Greenhouse

Setiap unit rumah hijau ini bersaiz lebih daripada 4,000 m²; dan berupaya untuk menyediakan sebanyak 6,000 polibag pada satu masa. Program ini mampu mengeluarkan hasil sekurang-kurangnya 720 MT semusim, dengan nilai anggaran pendapatan sebanyak RM4 juta semusim.

Each greenhouse unit is more than 4,000 m² in size; and is able to hold 6,000 polybags at a time. The programme is able to produce at least 720 MT per season, with an estimated revenue of RM4 million per season.



Tanaman cili yang diusahakan di dalam rumah hijau tertutup yang lengkap dengan sistem fertigasi automatik
Chilli plants in a closed greenhouse equipped with an automatic fertigation system

Selain daripada itu, tujuh unit rumah hijau lagi akan diusahakan secara kerjasama dengan sektor swasta untuk tujuan tanaman Rock Melon. Program ini mampu mengeluarkan hasil sekurang-kurangnya 1,134 MT setahun, dengan nilai anggaran pendapatan sebanyak RM4 juta setahun.

Pusat Latihan Amali Agropreneur akan melatih seramai sembilan orang peserta, bagi mengusahakan sembilan unit rumah hijau tertutup. Program ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun. Setiap peserta akan dibayar elaun latihan sebanyak RM2,500.00 sebulan sepanjang tempoh program ini. Program Latihan Agropreneur dijangka akan dimulakan sepenuhnya pada bulan Mac 2012.

In addition, seven greenhouse units will be operated in collaboration with the private sector for planting Rock Melon. The programme is able to produce at least 1134 MT per annum, with an estimated revenue of RM4 million per annum.

The Agropreneur Practical Training Centre will train a total of nine participants, who will be attached to nine closed greenhouses. The programme will be implemented within three years. Each participant will be paid a training allowance of RM2,500.00 per month during the programme. The Agropreneur Training Programme is expected to begin in March 2012.

Tanaman rock melon yang diusahakan di dalam rumah hijau tertutup yang lengkap dengan sistem fertigasi automatik
Rock melon plants in a closed greenhouse equipped with an automatic fertigation system



Inisiatif Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) - Oblong Burger

NCIA telah menjalinkan kerjasama dengan syarikat STSB untuk meningkatkan kecekapan pengeluaran dan menaiktaraf kemudahan, ke arah mendapatkan akreditasi GMP serta bagi mewujudkan lebih kurang 100 peluang perniagaan kepada penduduk di sekitar NCER. Kilang STSB ini terletak di Napoh, Kubang Pasu, Kedah.

Lebih kurang 30 peluang pekerjaan telahpun dihasilkan melalui inisiatif ini. Sebanyak 200 peluang pekerjaan dijangka dapat diwujudkan dalam masa lima tahun. Kini, kapasiti pengeluaran kilang STSB mampu menghasilkan produk sebanyak 15 MT sehari. Inisiatif ini telah berjaya melahirkan seramai 40 orang usahawan melalui program kiosk Oblong.

Inisiatif Program Akuakultur Sungai Menghulu (PASM)

Inisiatif ini dilaksanakan secara usahasama di antara NCIA dan sektor swasta bagi membangunkan aktiviti berteraskan penternakan ikan marin dalam sangkar.

Sebanyak 880 petak sangkar ikan kerapu yang terletak di perairan Sg. Menghulu, Pulau Langkawi, Kedah telah disiapkan. Program ini telah bermula pada bulan Ogos 2010 dan bakal melahirkan seramai 32 akuapreneur dan menyediakan 96 peluang pekerjaan kepada masyarakat setempat.

Program ini dijangkakan dapat menambah penghasilan ikan negara sebanyak 960 MT setahun, yang bernilai RM28 juta. Fasa kedua program ini sedang giat diusahakan, dimana ianya melibatkan pembinaan pusat pembiakan ikan bagi meningkatkan pengeluaran bekalan ikan kerapu.

Seleraku Trading Initiative (STSB) - Oblong Burger

NCIA has formed a partnership with STSB to improve production efficiency and upgrade its facilities, with a view to obtaining GMP accreditation and to create business opportunities for about 100 people in the NCER. The STSB factory is located in Napoh, Kubang Pasu, Kedah.

About 30 jobs have already been created through this initiative. It is expected that a total of 200 will be created within five years. Currently, STSB's production capacity is 15 MT per day. This initiative has successfully produced 40 entrepreneurs through the Oblong kiosk programme.

Sungai Menghulu Aquaculture Programme Initiative (PASM)

This initiative is a collaboration between NCIA and the private sector to develop activities based on marine fish farming in cages.

A total of 880 grouper fish cage squares located off the coast of Sg. Menghulu, Pulau Langkawi, Kedah have been completed. The programme commenced in August 2010; and will produce a total of 32 aquapreneurs and provide 96 jobs to the locals.

It is anticipated that this programme will increase the national fish production capacity by 960 MT per annum, valued at RM28 million. The second phase of the programme is currently being developed, which involves the construction of a fish breeding centre to increase the production of grouper fish.

Inisiatif Program Akuakultur Sungai Kerang (PASK)

Inisiatif ini dilaksanakan secara usahasama di antara NCIA dan sektor swasta; dan ianya melibatkan dua komponen utama subsektor akuakultur, iaitu sektor penternakan udang dan pemprosesan hasil produk perikanan. Melalui inisiatif ini, ia dapat meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat setempat.

Kini, aktiviti akuakultur dilaksanakan di kolam satelit menggunakan teknologi terkini, di mana produk yang dihasilkan akan menepati ciri-ciri keperluan eksport antarabangsa. Program ini bakal melahirkan enam usahawan ternakan udang putih, di samping menyediakan 12 peluang pekerjaan di dalam bidang penternakan udang.

Dalam sektor pemprosesan pula, NCIA berkerjasama dengan entiti swasta yang sama, di mana mereka mempunyai kepakaran dalam bidang pemprosesan dan pemasaran ikan salai, ikan kering dan hasilan sejuk beku. Pada tahun pertama beroperasi, kilang ini mampu mewujudkan 25 peluang pekerjaan; dan ini dijangka meningkat kepada 45 peluang pekerjaan pada tahun berikutnya.

Sungai Kerang Aquaculture Programme Initiative (PASK)

This initiative is a collaboration between NCIA and the private sector; and comprises two main components of the aquaculture subsector, namely shrimp farming and fishery products processing. Through this initiative, the socio-economic status of local residents would be substantially enhanced.

Currently, aquaculture activities are carried out in satellite ponds using the latest technology, with a view to ensure that the aquaculture products meet international export standards. The programme will create six white shrimp farming entrepreneurs, while providing 12 job opportunities in shrimp farming.

In the area of processing, NCIA is collaborating with the same private entity, which has expertise in processing and exporting smoked fish, dried fish and other related frozen products. In the first year of operations, the plant created 25 job opportunities; and this is expected to increase to 45 in the following year.



Inisiatif Program Peningkatan Hasil Padi “SawahKU Maju”

Inisiatif ini dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan hasil padi dari purata pengeluaran padi luar jelapang dari 2 MT – 3 MT per hektar kepada 6 MT per hektar dan kawasan jelapang dari 5 MT – 6 MT per hektar kepada 10 MT per hektar dalam masa empat musim penanaman. Beberapa program telah dikenalpasti, yang melibatkan agensi seperti Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA), Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan Jabatan Pertanian.

Di antara komponen inisiatif yang telah dilaksanakan bagi tujuan meningkatkan hasil padi meliputi:

- Program Pemulihan dan Penambahbaikan Infrastruktur Pengairan dan Saliran
- Program Perataan Tanah Sawah
- Program Pembinaan Setor Baja
- Program Penanaman Padi Menggunakan Jentera

Oleh kerana program-program ini saling berkaitan, ianya dilaksanakan secara bersepadu. Sebagai contoh, melalui pelaksanaan program penanaman padi menggunakan jentera, seramai 30,000 pesawah telah mendapat manfaat, manakala program pembinaan setor baja telah menstabilkan bekalan baja kepada 20,818 pesawah.



Hasil padi
Paddy harvest

Paddy Revenue Enhancement Programme Initiative “SawahKU Maju”

This initiative was implemented to improve paddy yield from 2 MT - 3 MT per hectare to 6 MT per hectare in non-granary areas and from 5 MT - 6 MT per hectare to 10 MT per hectare in granary areas within four growing seasons. Several programmes have been identified, which include the involvement of agencies such as the Muda Agricultural Development Authority (MADA), Integrated Agriculture Development Area (IADA), the Farmers Organisation Board (LPP) and the Department of Agriculture (DOA).

The components of the initiative to improve the paddy yield include:

- *Rehabilitation and Improvement Programme of Irrigation and Drainage Infrastructure*
- *Land Levelling Programme*
- *Fertilizer Store Programme*
- *Paddy Cultivation Programme Using Machinery*

As these programmes are interconnected, they have been implemented in an integrated manner. For example, through the implementation of the Paddy Cultivation Programme using machinery, 30,000 paddy farmers have benefited, while the Fertilizer Store Programme has stabilised fertilizer supply for 20,818 paddy farmers.



Semaian padi
Paddy nursery

Pusat Pembangunan Ternakan Kambing, Ladang Pengganda Koridor Utara (NCMF)

Inisiatif ini dilaksanakan secara usahasama di antara NCIA dan sektor swasta di Pondok Tanjong, Taiping, Perak. Program ini bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran baka kambing kacukan Boer bagi memenuhi keperluan penternak tempatan. Aktiviti penternakan kambing Boer berpotensi dalam meningkatkan pendapatan penternak kecil dan sederhana melalui penjualan ternakan kambing untuk penghasilan daging dan hasil sampingan.

Pusat ini akan menempatkan sejumlah 23 peserta ladang pengganda dengan kapasiti ternakan berjumlah 9,200 ekor kambing. Penglibatan sektor swasta dalam menguruskan pusat berkenaan dan memasarkan produk ternakan secara perladangan kontrak dapat menjamin kemampanan projek. Fasa I dan Fasa II program ini, yang merangkumi kawasan penanaman pastura seluas 247 hektar dan pembangunan 20 hektar tanaman jagung untuk dijadikan sebagai makanan kambing, telah siap sepenuhnya. Dalam jangka masa terdekat, seluas 60 hektar lagi akan ditanam dengan tanaman jagung.

Goat Livestock Development Centre, Northern Corridor Multiplier Farm (NCMF)

This initiative was undertaken in collaboration with NCIA and the private sector in Pondok Tanjong, Taiping, Perak. The aim of this programme is to increase the production of a hybrid breed of Boer goats to meet the needs of local farmers. Boer goat breeding activities have the potential of improving farm incomes through the sale of goats for the production of meat and other by-products.

The centre will house a total of 9,200 Boer goats from 23 farms. The involvement of the private sector in managing the centre and marketing the livestock products through contract farming will ensure the sustainability of the programme. Phase I and Phase II of the programme, which involved the preparation of 247 hectares of pasture and the development of a 20-hectare site for corn planting to be used as fodder, have already been completed. Another 60 hectares will also be planted with corn in due course.



Kandang kambing
Goat's pen



Baka kambing Boer dari Australia
Boer goats from Australia

SEKTOR PEMBUATAN
MANUFACTURING SECTOR



SEKTOR PEMBUATAN

MANUFACTURING SECTOR

Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan (CEE)

Misi utama penubuhan CEE adalah untuk membantu transformasi industri Elektrikal dan Elektronik (E&E) sedia ada, daripada aktiviti pembuatan dan ujian kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan produk.

Objektif penubuhan CEE adalah untuk:

- Menerajui pembangunan teknologi kejuruteraan melalui perkongsian pintar dan projek penyelidikan bersama di antara pihak industri, universiti tempatan dan institusi penyelidikan antarabangsa
- Menyediakan satu platform kolaboratif di antara pihak industri dan institusi akademik bagi membangunkan modal insan yang lebih berkualiti dan memenuhi kehendak industri
- Menggalakkan pertumbuhan syarikat-syarikat baru bagi pengkomersilan produk hasil penemuan penyelidikan yang dijalankan

Pada September 2010, Frost & Sullivan telah dilantik untuk membangunkan pelan tindakan CEE. Pelan tindakan ini dijangka siap pada Januari 2011.

Centre of Engineering Excellence (CEE)

The main mission of the CEE is to facilitate the transformation of the existing E&E industry, from the current 'assembly and test' activities to 'research and product development'.

The objectives of the CEE are:

- *To spearhead the development of engineering technology through smart partnerships and joint research projects among industry players, local universities and international research institutions*
- *To provide a collaborative platform between industry players and academic institutions for human capital development in order to produce better quality workforce to meet industry needs*
- *To catalyse the growth of new companies for product commercialization based on research findings*

In September 2010, Frost & Sullivan was appointed to develop the Blueprint for the CEE. The Blueprint is scheduled to be completed in January 2011.



'CEE Growth Workshop' yang dijalankan oleh Frost & Sullivan
CEE Growth Workshop conducted by Frost & Sullivan

Pusat Kecemerlangan Jentera dan Perkhidmatan Sokongan Kejuruteraan (COE M&E)

NCIA dengan kerjasama MIDA dan FMM Automation Technology Industry Group (ATIG) telah mengadakan satu dialog bersama pihak industri pada 12 Mei 2010 bertempat di FMM Cawangan Pulau Pinang.

Objektif utama dialog ini adalah untuk mendapatkan maklumbalas daripada syarikat-syarikat IKS tempatan bagi merancang masa depan IKS secara lebih kolektif. Penubuhan COE M&E ini telah dicadangkan semasa dialog tersebut.

Selaras dengan usaha kerajaan untuk memajukan industri IKS, COE M&E akan ditubuhkan bagi mendedahkan syarikat-syarikat IKS tempatan dengan teknologi-teknologi terkini. Ini membolehkan syarikat-syarikat tersebut menceburi aktiviti penyelidikan dan pembangunan bagi meningkatkan kualiti barangan keluaran Malaysia.

Pusat kecemerlangan ini juga akan memacu pelaksanaan program-program teknikal untuk melahirkan pekerja berkemahiran tinggi bagi menyokong aktiviti pembangunan, reka bentuk dan ujian produk, latihan, khidmat perunding dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

Centre of Excellence for Machinery & Engineering Support Services (COE M&E)

NCIA, through collaboration with MIDA and the FMM Automation Technology Industry Group (ATIG), had organised an Industry Dialogue on 12 May 2010 at the FMM Penang Branch.

The main objective of this dialogue was to seek industry feedback and chart the way forward for SMEs in a more collective manner. The COE M&E was proposed in this meeting.

In supporting the government's SME development agenda and the industry's needs, the COE M&E will be established with the objective of providing access to the latest technologies in the M&E sector to our local companies. This will help increase the development of "Made in Malaysia" products.

This COE will also drive programmes to develop highly skilled human capital in the M&E sector that will be able to support product development, design and testing, training, consultancy and other industry-relevant activities.



Pusat Bioteknologi

Pembangunan Pusat Bioteknologi telah dikenalpasti oleh NCIA sebagai suatu usaha strategik dalam menyediakan ruang kemudahan dan menyokong usaha negara untuk mempercepatkan perkembangan industri bioteknologi.

Pusat Bioteknologi tersebut akan menyediakan platform perkhidmatan inkubator yang lengkap bagi mempertingkatkan kadar kejayaan syarikat-syarikat bioteknologi baru. Ianya bakal menempatkan Pusat Kecemerlangan Bioteknologi Pertanian (COE Agri Bio).

Pembinaan Pusat Bioteknologi dijangka bermula pada suku kedua, tahun 2011 dan dijangka selesai pada suku keempat, tahun 2012. Nod pertama COE Agri Bio (Nod Pembangunan Teknologi Hortikultur) dan Program Pembangunan Usahawan Graduan akan dilaksanakan pada tahun 2011. Usahawan yang berjaya menamatkan program tersebut akan ditawarkan kemudahan di Pusat Bioteknologi bagi memulakan perniagaan masing-masing.

Biotechnology Centre

NCIA has identified the strategic need for a Biotechnology Centre to provide the impetus; and to complement the nation's efforts to further accelerate the growth of the biotechnology industry.

The Biotech Centre will provide incubation services to biotech start-up companies as well as hosting the Centre of Excellence for Agricultural Biotechnology (COE Agri Bio), one of the most promising sectors in the biotechnology industry.

The Biotech Centre will commence construction in Q2 2011 and expected to complete in Q4 2012. The first node for COE Agri Bio (the Horticulture Technology Development Node) and the Graduate Entrepreneurs Programme are expected to commence in 2011. The successful entrepreneurs who graduate from the programme will be offered utilization of facilities at the Biotech Centre to start up their respective businesses.



Lakaran arkitek Bangunan Pusat Bioteknologi
Artist impression of the Biotechnology Centre

Kenderaan Hazardous Material (HAZMAT) dan Mass Decontamination & Emergency Response System (MDERS)

Inisiatif NCIA pada tahun 2009 untuk meningkatkan kemudahan keselamatan di Hospital Kulim dan Jabatan Bomba & Penyelamat Kulim Hi-Tech Park (KHTP) telahpun disempurnakan dan dihantar kepada pihak-pihak berkenaan. Penambahbaikan yang dibiayai oleh NCIA dalam menyediakan satu kenderaan HAZMAT kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Kulim dan sistem MDERS kepada Hospital Kulim, telah dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop pada 24 September 2010 di perkarangan Hospital Kulim.

Kenderaan HAZMAT tersebut dilengkapi sepenuhnya dengan *North Atlantic Treaty Organisation (NATO) Standard Incident Room*, unit dekontaminasi, sistem pengesanan bahan kimia, pelbagai unit dan peralatan dekontaminasi, dan kemampuan untuk mengakses pangkalan data kimia dengan maklumat mengenai bahan kimia, biologi, radiologi dan sebatian kimia industri toksik.

MDERS adalah yang pertama seumpamanya di Asia Tenggara; dan telah direkabentuk untuk mempunyai mobiliti dalam menyediakan rawatan kecemasan tahap pertama, penyeliaan kecemasan dan dekontaminasi. MDERS terdiri daripada Klinik Bergerak (*Mobile Clinic*), Unit Resusitasi dan Rawatan Kritikal (*Critical Care & Resuscitation Unit*), Pusat Arahan Bergerak (*Mobile Command Centre*) dan bangunan *Major Incident Treatment Unit (MITU)* yang terletak di Hospital Kulim.

Inisiatif ini adalah sebahagian daripada usaha NCIA untuk mempertingkatkan daya saing KHTP di mata pelabur tempatan dan luar negara.

Hazardous Material (HAZMAT) Vehicle and Mass Decontamination & Emergency Response System (MDERS)

NCIA's initiative in 2009 to upgrade the safety and rescue facilities in Kulim Hospital and Kulim Fire & Rescue Department have been completed and delivered to the respective parties. The upgrades, funded by NCIA, include the provision of a HAZMAT vehicle to the Kulim Fire & Rescue Department and an MDERS to the Kulim Hospital respectively. Minister of the Prime Minister's Department, YB Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop officiated the handover ceremony held on 24 September 2010 at the Kulim Hospital.

The HAZMAT vehicle is well-equipped with a North Atlantic Treaty Organisation (NATO) Standard Incident Room, decontamination units, chemical detection systems, various decontamination units and tools, and the capability to access chemical databases with information on chemical, biological, radiological and toxic industrial chemical substances.

The MDERS, being the first of its kind in South-East Asia, is designed to have the mobility to provide first line of emergency treatment, decontamination and emergency supervision. The MDERS consists of a Mobile Clinic, Critical Care & Resuscitation Unit, a Mobile Command Centre and a Major Incident Treatment Unit (MITU) building located at the Kulim Hospital.

These initiatives are part of NCIA's pursuit in enhancing the competitiveness of KHTP in the eyes of local and foreign investors.

Pusat Kecemerlangan Elektrikal dan Elektronik (COE E&E)

Pusat Kecemerlangan Elektrikal dan Elektronik (COE E&E) telah mula beroperasi di premis tetap, iaitu di bangunan NTDC (NCIA Technology Development Centre), Bayan Lepas, Pulau Pinang pada Disember 2010.

COE E&E kini telah dilengkapi dengan peralatan EDA (*Electronic Design Automation*) terbaru seperti *Synopsys*, *Cadence* dan *Mentor Graphics*, yang disediakan bagi menolong syarikat-syarikat IKS yang berminat untuk menceburi dan memulakan rekacipta litar bersepadu (*IC design*).

COE E&E telah menjayakan beberapa program pembangunan modal insan seperti Ijazah Sarjana Sains (M.Sc.) dengan kerjasama Universiti Sains Malaysia. Seramai 26 graduan terpilih telah mendaftar di dalam Program *Advanced Digital Design* yang dijangka tamat pada bulan Julai 2011, manakala 24 graduan lagi telah mendaftar di dalam Program *Advanced Analogue Design* yang akan tamat pada bulan Februari 2012. COE E&E juga telah menganjurkan 38 kursus teknikal dan seminar teknologi dengan jumlah peserta seramai 303 orang.

Salah satu kejayaan COE E&E pada tahun 2010 ialah merekacipta prototaip *Virtual Smart Meter* dan memfailkan permohonan pendaftaran dua harta intelek untuk hasil rekacipta ini. Selain itu, COE E&E juga telah bekerjasama dengan syarikat-syarikat multinasional dan IKS tempatan di dalam bidang rekacipta litar bersepadu, serta membantu di dalam pembangunan program inkubasi.

The Centre of Excellence for Electrical & Electronics (COE E&E)

The COE E&E commenced operations in a permanent location at NCIA Technology Development Center (NTDC) building, Bayan Lepas, Penang in December 2010.

The COE E&E IC design facility is fully equipped with the latest Electronic Design Automation (EDA) tools from Synopsys, Cadence and Mentor Graphics in order to help local enterprises venture into the field of IC design.

The COE E&E has conducted human capital development programmes such as Master of Science (M.Sc.) Programme, in collaboration with Universiti Sains Malaysia. 26 students have enrolled in the Advanced Digital Design Programme, which is scheduled to be completed in July 2011, while another 24 graduates have enrolled in the Advanced Analogue Design Programme, which will end in February 2012. The COE E&E has conducted 38 technical courses and technology seminars, with a total of 303 participants.

One of the COE E&E's major successes in 2010 was the development of the Virtual Smart Meter where two IPs were filed for registration. In addition, the COE E&E also collaborates closely with the MNCs and SMEs in the area of IC design; and assist in the development of incubation programmes.

SEKTOR PELANCONGAN
TOURISM SECTOR



SEKTOR PELANCONGAN

TOURISM SECTOR

Pembangunan Lestari Hutan Tropika Belum-Temengor

Pelan Induk Bersepadu Hutan Tropika Belum-Temengor

NCIA dengan kerjasama Kerajaan Negeri Perak, Agensi Persekutuan serta sekumpulan pakar yang berkenaan sedang menyediakan satu Pelan Induk Bersepadu dengan tujuan untuk memastikan pembangunan lestari di Hutan Tropika Belum-Temengor yang berusia 130 juta tahun.

Hutan Tropika Belum-Temengor telah dikenalpasti oleh NKEA Pelancongan sebagai salah satu tapak *Malaysia Mega Biodiversity Hub (MMBH) live site* dan akan dimajukan sebagai penanda aras baru destinasi utama untuk sektor ekopelancongan dan penyelidikan biodiversiti. Selaras dengan penekanan ini, Pelan Induk Bersepadu ini akan memberi penumpuan kepada pelan pengurusan, pembangunan dan pemuliharaan secara mampan.

Sustainable Development of the Belum-Temengor Tropical Rainforest

Belum-Temengor Tropical Rainforest Integrated Master Plan

NCIA together with the State of Perak, related Federal government agencies and a panel of industry specialists are developing a robust integrated master plan (IMP) to ensure sustainable development for the 130-million-year-old Belum-Temengor Tropical Rainforest.

Identified as a “live” site in the Tourism NKEA’s Malaysia Mega Biodiversity Hub (MMBH), Belum-Temengor Tropical Rainforest will inexplicitly gear towards setting a new benchmark as a premier eco-based tourism and biodiversity research destination. In line with the emphasis placed, the Belum-Temengor IMP will focus on managing the natural resources and cultural values of the area in a sustainable manner, and incorporating the management, development and conservation plans respectively.



Hutan Tropika Belum-Temengor
Belum-Temengor Tropical Rainforest



Jeti di Hutan Tropika Belum-Temengor (ilustrasi artis)
Belum-Temengor Tropical Rainforest Jetty (artist's impression)

Hutan Tropika Belum-Temengor
Belum-Temengor Tropical Rainforest



Pembangunan Infrastruktur di Hutan Tropika Belum-Temengor

Bagi memudahkan akses ke Hutan Tropika Belum-Temengor, NCIA bersama Kerajaan Negeri Perak dan Jabatan Kerja Raya akan menaiktaraf Jeti Awam Pengkalan Aman yang sedia ada di Pulau Banding. Projek tersebut merangkumi ciri-ciri kawalan keselamatan yang cekap, tahap penyelesaian yang lebih baik dan selamat, serta memberi kemudahan kepada para pelancong dan penduduk tempatan.

Oleh kerana seluruh Hutan Tropika Belum-Temengor telah diklasifikasikan sebagai kawasan hutan sensitif, maka pelaksanaan projek ini mestilah mengambil kira syarat-syarat kawalan yang telah ditetapkan untuk memastikan hutan tropika serta warisan budaya tidak terjejas. Apabila siap kelak, kemudahan ini akan berfungsi sebagai pintu masuk utama ke Hutan Tropika Belum-Temengor.

Infrastructural Development in the Belum-Temengor Tropical Rainforest

In facilitating access into the Belum-Temengor Tropical Rainforest, NCIA together with the State of Perak and the Public Works Department are upgrading support facilities like the existing Pengkalan Aman Public Jetty on Pulau Banding to include features that integrate efficient security control mechanisms, greater comfort, safety and conveniences for tourists and local residents.

Essential to the spirit of this venture is the preservation of both the delicate rainforest and the cultural heritage; with strict adherence to the necessary governance stipulated in carrying out this low-impact infrastructure upgrade, owing to the area's classification as an environmentally-sensitive location. Once completed, this facility will act as the main gateway into the sublime wilderness of the Belum-Temengor Tropical Rainforest.

Taiping, Bandar Warisan

Menaiktaraf Zoo Taiping dan Night Safari

Zoo Taiping dan Night Safari, yang terletak di Taman Tasik Taiping, mempunyai lebih daripada 180 spesies haiwan dan merupakan satu destinasi pelancongan yang terkenal. Biodiversiti yang ditawarkan dapat memberi pengalaman pembelajaran interaktif. NCIA dengan usahasama pakar-pakar zoo sedang melaksanakan proses menaiktaraf kemudahan-kemudahan sediaada supaya dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran para pengunjung.

Kerja-kerja menaiktaraf melibatkan bangunan pentadbiran baru yang juga akan berfungsi sebagai pusat pengunjung, pembinaan laluan berbumbung, lapangan tontonan dan pemasangan papan tanda interaktif. Selain itu, Zoo Taiping dan Night Safari juga akan dilengkapi dengan sistem pencahayaan iluminasi rendah yang membolehkan pengunjung memerhati binatang-binatang di dalam habitat masing-masing pada waktu malam. Kerja-kerja menaiktaraf ini dijangka siap pada akhir tahun 2011.

Taiping, Heritage Town

Upgrading the Taiping Zoo and Night Safari

The well-known Taiping Zoo and Night Safari located in Taiping's Lake Gardens is home to more than 180 species of animals. In order to deliver high levels of interactive and educational experiences and fully capitalise on the in-situ biodiversity offerings, NCIA has engaged subject matter specialists to implement facilities improvement programmes to further enhance visitors' exploration and learning experiences.

The upgrading works include a new administrative centre cum visitor discovery centre, shaded walkways and viewing areas, installation of informative panels and interactive signage. Enhanced low-illumination lighting systems for the Night Safari provide an opportunity to see wildlife in their natural habitat in a whole new light. The works are expected to be completed by the end of 2011.



Pusat pentadbiran dan pusat pelawat (ilustrasi artis)
The administrative centre cum visitor centre (artist's impression)



Kompleks Sayong Riverfront
Sayong Riverfront Complex

Kuala Kangsar, Bandar Warisan Diraja

Pembangunan Sayong Riverfront di Bandar Warisan DiRaja Kuala Kangsar

Pembangunan Sayong Riverfront yang berkeluasan 13 ekar merangkumi komponen Riverfront Boardwalk, sebuah jeti, perkhidmatan bot sungai, pusat pavilion kraftangan, restoran, dewan pameran, bilik mesyuarat, dan taman lanskap terbuka.

Apabila siap kelak pada tahun 2011, NCIA akan menyerahkan kompleks Sayong Riverfront ini kepada Majlis Perbandaran Kuala Kangsar (MPKK) untuk pengurusan dan pengendalian operasi harian. Pembangunan Sayong Riverfront ini dijangka akan menarik minat para pelancong ke Kuala Kangsar, Bandar Warisan Di Raja; dan seterusnya mewujudkan peluang pekerjaan untuk masyarakat tempatan. Ianya juga akan berfungsi sebagai salah satu pusat untuk mempromosikan hasil kraftangan negeri Perak seperti labu sayong dan tekat.

Kuala Kangsar, Royal Heritage City

Construction of the Sayong Riverfront Complex at the Royal Heritage City, Kuala Kangsar

The 13-acre Sayong Riverfront will feature components such as a riverfront boardwalk, a jetty, river boat services, arts and handicraft pavilions, a restaurant, an exhibition hall, meeting rooms, and an open landscaped garden area.

Upon completion in 2011, NCIA will hand over the Sayong Riverfront Complex to the Municipal Council of Kuala Kangsar (MPKK) for the latter to manage its day-to-day operations. The Sayong Riverfront is expected to attract tourists to the Royal Heritage Town of Kuala Kangsar, generating employment opportunities for the local communities and serving as one of the centres to promote Perak's handicrafts such as labu sayong and tekat.

Pelancongan Kesihatan Pulau Pinang

Pemasaran Pelancongan Kesihatan Pulau Pinang

Pelancongan Kesihatan merupakan salah satu dimensi baru kepada industri pelancongan di Pulau Pinang dimana tawaran perkhidmatan kesihatan yang berkualiti dengan kos yang berpatutan serta kemudahan infrastruktur yang lengkap menjadikan Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama bagi pelancongan kesihatan di Asia.

Program pemasaran Pelancongan Kesihatan Pulau Pinang ini terbahagi kepada dua fasa:

- Fasa pertama memberi penekanan kepada penjenamaan baru, strategi pemasaran dan pelaburan pelancongan kesihatan termasuk penyediaan kandungan yang lebih mantap kepada pelawat dan/atau pihak yang berkepentingan
- Fasa kedua merupakan penyediaan Pelan Induk Pelaksanaan Strategik bagi tempoh 10 Tahun (2011-2020) sebagai pemangkin untuk menarik kemasukan para pelancong kesihatan untuk mendapatkan rawatan yang berkualiti tinggi di Pulau Pinang

Health Tourism in Penang

Marketing of Penang's Health Tourism

Healthcare travel has added another dimension to Penang's tourism popularity and phenomenal growth in medical tourist arrivals from around the region. Availing patients to high quality, affordable and easy access to healthcare related services has positioned Penang as one of Asia's most preferred healthcare destination.

Penang Health Tourism marketing programme consists of two phases:

- *The first phase emphasized refreshed branding, marketing and investment strategies for health tourism by developing and providing coherent content for potential visitors and/or stakeholders*
- *The second phase was the development of a 10-year Strategic Implementation Master Plan (2011-2020) which will serve as a catalyst in attracting medical tourists to Penang for high quality treatment*



A woman in a white long-sleeved shirt and black hijab stands in the foreground of a library. The shirt has a logo on the left chest that reads "KEMENTERIAN PENDIDIKAN DAN KEBUDAYAAN" and "KEMENTERIAN RISET, TEKNOLOGI, DAN INOVASI". In the background, another woman in a blue patterned shirt and pink scarf is looking at a book on a shelf, and a third woman in a pink shirt is sitting on the floor reading a book. The library has white bookshelves filled with books and a modern interior with large windows and a staircase.

**SEKTOR PENDIDIKAN DAN
MODAL INSAN**
*EDUCATION AND HUMAN
CAPITAL SECTOR*

SEKTOR PENDIDIKAN DAN MODAL INSAN

EDUCATION AND HUMAN CAPITAL SECTOR

Inisiatif Pembangunan Modal Insan BeliaKU Mahir

Usahasama dengan Hyperbaric Chambers Asia Sdn Bhd (HCA)

Terapi oksigen hiperbarik merupakan kaedah perubatan penggunaan oksigen pada tahap yang lebih tinggi dari tekanan atmosfera bagi mempercepatkan proses penyembuhan. Menurut persatuan hospital-hospital swasta di Malaysia, bilangan rakyat asing yang telah mendapatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan di Malaysia telah meningkat dari 75,210 pesakit pada tahun 2001 kepada 296,687 pesakit pada tahun 2006, seterusnya menghasilkan sejumlah RM203.66 juta.

Berdasarkan angka yang memberangsangkan ini dan kedudukan NCER sebagai salah satu pusat Pelancongan Kesihatan, NCIA telah bekerjasama dengan HCA dalam membantu menyediakan keperluan modal insan - khususnya bagi melatih 10 juruteknik teknologi hiperbarik yang diiktiraf untuk ditempatkan di Pusat Hiperbarik Pulau Pinang. Sepuluh peserta tersebut, yang terdiri daripada graduan yang baru menamatkan pengajian, kini sedang menjalani latihan selama 24 bulan termasuk 21 bulan latihan amali di HCA. Pusat di Pulau Pinang dijangka akan beroperasi pada Jun 2011.

BeliaKU Mahir Human Capital Development Initiatives

Collaboration with Hyperbaric Chambers Asia Sdn Bhd (HCA)

The Hyperbaric Oxygen Therapy is the medical use of oxygen at levels higher than atmospheric pressure to accelerate the healing process. According to the Association of Private Hospitals Malaysia, the number of foreigners seeking healthcare services in Malaysia has grown from 75,210 patients in 2001 to 296,687 in 2006, which generated a total of RM203.66 million in revenue.

In light of the encouraging figures and the positioning of the NCER as a centre for Health Tourism, NCIA has collaborated with HCA to assist the company's new Penang branch in developing its human capital - specifically in training 10 Certified Hyperbaric Technologists (CHTs) to be placed at the Penang Hyperbaric Centre. The participants, all of whom are fresh graduates, are currently undergoing the 24-month training programme that includes 21 months of practical training with HCA. The centre in Penang is expected to be operational in June 2011.





Usahasama dengan DNJ SPA Candle (M) Sdn Bhd (DNJ)

Bagi menyokong industri hospitaliti, NCIA telah bekerjasama dengan DNJ untuk menyediakan program latihan prakemahiran untuk melatih 35 orang usahawan dalam tempoh 12 bulan dalam bidang urutan terapeutik lilin. Penumpuan akan diberikan kepada penggunaan bahan-bahan kesihatan organik, penguasaan pengetahuan asas di dalam aromaterapi dan produk serta kemahiran keusahawanan.



Collaboration with DNJ SPA Candle (M) Sdn Bhd (DNJ)

In supporting the hospitality industry, NCIA has collaborated with DNJ to conduct a pre-skilling training programme to nurture 35 entrepreneurs for a duration of 12 months in therapeutic oil candle massage. The training focuses on increasing the knowledge of organic materials usage for health purposes, including basic knowledge of aromatherapy and the product, as well as entrepreneurship skills.



Usahasama bersama Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) - Oblong Burger

NCIA dan STSB telah memeterai perjanjian untuk memperluaskan fasiliti STSB yang sediaada dan pihak STSB pula akan membuka peluang latihan dan perniagaan kepada belia yang berminat dalam perniagaan burger. Setakat ini, 40 kiosk telah ditubuhkan seawal Januari 2011. Program ini mensasarkan seratus penyertaan keusahawanan.

Collaboration with Seleraku Trading Sdn Bhd (STSB) - Oblong Burger

NCIA and STSB have entered into an agreement to expand the latter's facilities and provide training and opportunities in the burger business to interested youths. As of January 2011, 40 kiosks have been established. One hundred entrepreneurship opportunities will be created under this programme.



Usahasama dengan Multimedia Technology Enhancement Operations (METEOR) Sdn Bhd

Collaboration with Multimedia Technology Enhancement Operations (METEOR) Sdn Bhd

Untuk terus meningkatkan pembangunan modal insan bagi menyokong industri pelancongan dan hospitaliti sekitar wilayah NCER, NCIA telah bekerjasama dengan METEOR untuk melatih 500 orang peserta dari wilayah utara dalam lima bidang program berteraskan industri dalam tempoh 10 bulan, iaitu pengurusan pelancongan, pengurusan acara, seni kulineri, pengurusan hospitaliti dan pengurusan runcit. Sijil Diploma Profesional akan diberi oleh pihak Open Universiti Malaysia.

To further enhance the human capital development in support of the tourism and hospitality industry within NCER, NCIA has collaborated with METEOR to train 500 participants from the northern region in five industry-focused programmes for a duration of 10 months, namely tourism management, event management, culinary arts, hospitality management and retail management. Professional Diploma certificates would be awarded by the Open University Malaysia.



Usahasama dengan Sime Darby Industrial Academy Sdn Bhd (SDIA)

NCIA telah bekerjasama dengan SDIA bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi di NCER. Perjanjian telah dimeterai dengan SDIA untuk melatih 150 peserta dari NCER dalam bidang pengendalian jentera berat di SDIA, Puchong.

Collaboration with Sime Darby Industrial Academy Sdn Bhd (SDIA)

NCIA is collaborating with SDIA to promote economic growth in the NCER. An agreement has been formalised with SDIA to train 150 participants from the NCER in heavy equipment operations at the SDIA, Puchong.



SEKTOR LOGISTIK
LOGISTICS SECTOR



SEKTOR LOGISTIK

LOGISTICS SECTOR

Kajian Kebolehlaksanaan Depoh Pelepasan Darat (DPD) di Padang Besar, Perlis

Depoh Pelepasan Darat, yang dirancang untuk dibina di Padang Besar, akan menjadi satu pusat logistik bersepadu bagi kawasan wilayah utara dan *Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle* (IMT-GT) dalam memanfaatkan peluang-peluang yang wujud hasil daripada pergerakan komoditi dari sempadan.

NCIA telah menjalankan kajian kemungkinan untuk mengenalpasti saiz pasaran kontena eksport dari Selatan Thailand. Kajian ini dilakukan bagi menentukan saiz dan skala DPD. Model pengendalian yang sesuai dan mampan juga telah dikenalpasti dalam kajian ini untuk memastikan kemudahan yang akan dibina adalah "sesuai untuk tujuan".



Projek Pembangunan Terminal Pengangkutan Bersepadu Penang Sentral

Projek Pembangunan Penang Sentral merangkumi pembinaan sebuah Terminal Pengangkutan Awam Bersepadu bersebelahan Terminal Feri Sultan Abdul Halim di Butterworth; dan pembangunan hartanah di sekelilingnya termasuk kompleks beli belah, hotel, pejabat dan ruang kediaman dengan jangkaan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) sebanyak RM2.7 bilion.

Permodalan Hartanah Berhad (PHB) dan Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) merupakan pihak-pihak yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan projek ini melalui syarikat usahasama Penang Sentral Sdn Bhd (PSSB), di bawah penyelarasan NCIA.

Padang Besar Inland Clearance Depot (ICD) Feasibility Study

The ICD, which is planned to be built in Padang Besar, is positioned as an integrated logistics centre for the northern region and Indonesia-Malaysia-Thailand Growth Triangle (IMT-GT) in order to capitalise on the opportunities from cross-border commodity movement.

NCIA had undertaken a feasibility study to identify the size of the export container market from Southern Thailand. This was done to determine the size and scale of the ICD. The operational model that is most suitable and sustainable has been identified in this study to ensure that a "fit-for-purpose" facility will be built.



Penang Sentral Integrated Transport Terminal Development Project

The Penang Sentral development comprises an Integrated Public Transport Terminal to be constructed next to the Sultan Abdul Halim Ferry Terminal in Butterworth; and its surrounding property development including retail, hotel, office and residential space with an estimated Gross Development Value (GDV) of RM2.7 billion.

Permodalan Hartanah Berhad (PHB) and Malaysian Resources Corporation Berhad (MRCB) are parties responsible for carrying out this project jointly through Penang Sentral Sdn Bhd (PSSB), coordinated by the NCIA.

Kajian Kebolehlaksanaan Pengangkutan Air di Pulau Pinang

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti kebolehlaksanaan sistem pengangkutan air di Pulau Pinang dan juga faktor-faktor kritikal untuk menjayakan usaha ini.

Kajian ini telah digabungkan dengan Kajian Pengangkutan Induk Pulau Pinang yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang (KNPP). Kajian bersepadu ini dibiayai bersama oleh NCIA dan KNPP.

Penang Water Transport Feasibility Study

This study aims to ascertain the viability of establishing a water transport system in Penang and the critical success factors to operate and sustain it.

The study is being integrated with the Penang Transport Masterplan Study that will be undertaken by the Penang State Government (PSG). The integrated study will be co-funded by NCIA and PSG.



Peranti Pengenalan Frekuensi Radio (RFID) untuk Logistik

Industri RFID telah dikenalpasti di dalam Program Transformasi Ekonomi oleh PEMANDU sebagai salah satu *Entry Point Projects* untuk menggalakkan penggunaannya di sektor logistik dan pengangkutan di Malaysia serta rantau Asia.

Smartag Solutions Bhd (Smartag) akan menyediakan sistem keselamatan dan fasilitasi perdagangan menggunakan RFID untuk Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Kedua-dua pihak akan melaksanakan projek perintis sistem RFID ini untuk jangkamasa tiga bulan bermula 1 Jun 2011. Objektif projek ini adalah untuk mengurangkan trafik dan masa menunggu di setiap lokasi dan seterusnya memperbaiki sistem maklumat Jabatan Kastam dalam usaha membanteras elemen-elemen yang dapat menggugat keselamatan dengan penggunaan teknologi RFID.

NCIA sedang bekerjasama dengan Smartag untuk menggalakkan penyertaan sektor pembuatan dan logistik dalam projek perintis ini dan juga aplikasi teknologi RFID di pelbagai industri untuk mempertingkatkan kecekapan sistem penyampaian NCER.

Radio Frequency Identification Devices (RFID) for Logistics

The RFID industry was identified in PEMANDU's Economic Transformation Programme as one of the Entry Point Projects to encourage its usage in the logistics and transportation sectors in Malaysia and the Asian region.

Smartag Solutions Bhd (Smartag) will be providing a security and trade facilitation system using RFID for the Royal Malaysian Customs Department. Both parties will conduct a pilot project on the RFID system for three months starting 1 June 2011. The objective of this test is to reduce the traffic and waiting time at each customs checkpoint location and also further improve the information system of the Customs Department in deterring security threats with the use of RFID technology.

NCIA is working with Smartag to catalyse the participation of manufacturers and logistics players in this pilot project and also other RFID applications within the supply chains of all other industries to enhance the efficiency of NCER's delivery system.





Penyata Kewangan
Bagi Tahun Berakhir 31
Disember 2010

*Financial Statements
for the Year Ended 31
December 2010*





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PIHAK BERKUASA PELAKSANAAN KORIDOR UTARA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2010**

Penyata Kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara bagi tahun berakhir 31 Disember 2010 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara pada 31 Disember 2010 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
6 JULAI 2011





**CERTIFICATE OF THE AUDITOR GENERAL
ON THE FINANCIAL STATEMENTS OF THE
